



PERDANA LIBRARY  
PERUANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/1/2011

## Debat: Anwar kena jawab 10 soalan

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu menjawab 10 soalan terlebih dahulu sebelum layak berdebat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Alhabshee berkata, ini termasuk sama ada beliau berani bersumpah menggunakan al-Quran di masjid bahawa dia tidak meliwat Mohd. Saiful Bukhari Azlan.

Beliau pasti 'Pelan 100 Hari' yang dicadangkan Anwar bukan berkisar kepada isu ekonomi sebaliknya kemungkinan ada kepentingan peribadi pemimpin pembangkang.

"Itulah Anwar, Ahli Parlimen Permatang Pauh yang cukup pintar berdolak-dalik, berbohong dan memanipulasikan keadaan supaya rakyat simpati kepada beliau.

"Banyak pihak memberitahu saya bahawa Anwar sebenarnya tidak layak untuk berdebat dengan mana-mana pihak pun, apatah lagi dengan Najib.

"Mereka memberi 10 pertanyaan mudah yang memerlukan Anwar menjawabnya secara terbuka terlebih dahulu sebelum ingin berdebat," katanya dalam entri terbarunya di <http://umnobahagian-cheras.blogspot.com>.

Menurut Syed Ali, persoalan lain yang 'wajib' dijawab Anwar ialah sama ada beliau sanggup

menjelaskan kepada rakyat bahawa dirinya bukan tali barut dan alat kepada kuasa asing khususnya rejim Yahudi.

Katanya, persoalan lain yang perlu dijawab Anwar adalah:

- Menyatakan kepada rakyat bahawa dia tidak bersubahat dengan DAP untuk hancurkan Melayu.

- Beranikah beliau bersumpah bahawa dia tidak berbohong dalam isu politik di Selangor dan Perak?

- Benarkah pengakuan Karpal Singh yang dibuat di Parlimen bahawa dia terbabit dalam kes liwat?

- Jelaskan secara terbuka bahawa beliau berpakat dengan DAP untuk ketepikan Pas dalam pakatan pembangkang.

- Mengaku bahawa beliau selama ini menggunakan media asing untuk memburukkan imej negara dan merosakkan nama baik kerajaan BN dengan pelbagai tuduhan tidak berasas.

- Mengaku bahawa beliau tidak pernah terbabit sebagai ejen dan alat kepada Amerika Syarikat.

- Menyatakan pendirian secara terbuka bahawa beliau tetap mempertahankan institusi raja-raja Melayu daripada diperlekehkan oleh DAP; dan

- Mengaku bahawa beliau bukan petualang untuk menghakis ketuanan Melayu dan agama Islam di negara ini.